



LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 18 Ogos 2010

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BIL 16 TAHUN 2010
CUTI PENDEK, CUTI PAGI DAN CUTI PETANG

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, pada masa ini semua anggota LGM menikmati kemudahan cuti pendek iaitu minimum satu (1) jam dan maksimum tiga (3) jam. Jumlah terkumpul enam (6) jam bersamaan dengan satu (1) hari cuti rehat yang akan ditolak daripada cuti tahunan yang berkecualan.

3. Selaras dengan pelaksanaan Waktu Kerja Berperingkat di LGM, Pihak Pengurusan telah bersetuju untuk melaksanakan penggunaan cuti pagi dan cuti petang, pada masa yang sama mengekalkan pelaksanaan cuti pendek. Cuti pagi dan cuti petang dibenar untuk diambil bagi cuti pendek yang melebihi tiga (3) jam. Berikut adalah kaedah pengambilan cuti pagi dan cuti petang:

Bil	Bilangan Cuti Diambil		Cuti Rehat
	Cuti Pagi (WP1/WP2/WP3 hingga jam 1.00 tengahari)	Cuti Petang (2.01 petang hingga WP1/WP2/WP3)	
1.	1 kali	1 kali	1 hari
2.	2 kali	-	1 hari
3.	-	3 kali	1 hari

4. Sehubungan itu, perkara ini adalah tertakluk di atas kelulusan pegawai pelulus cuti dan anggota LGM dibenarkan untuk memilih sama ada untuk mengambil cuti pendek, cuti pagi atau cuti petang. Warna borang bagi tiga (3) jenis pengambilan cuti ini adalah seperti berikut dan boleh diperolehi daripada Unit Penerbitan dan Perpustakaan (UPP) mulai bulan September 2010:

- i. Cuti Pendek : Warna Merah Jambu
- ii. Cuti Pagi : Warna Biru
- iii. Cuti Petang : Warna Oren

5. Pelaksanaan kaedah Cuti Pendek, Cuti Pagi Dan Cuti Petang ini berkuat kuasa mulai **1 September 2010**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"


(ROSNA BT ABD. RAZAK)

s.k : Ketua Pengarah
Timbalan-timbalan Ketua Pengarah
Pengarah-Pengarah Bahagian